

'Sebahagian dana dipindah masuk dua akaun Najib'

Penganalisis jejak wang dapati penerimaan babit empat fasa

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penganalisis Pasukan Petugas Khas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selesai memberi keterangan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, mengenai jejak wang syarikat pelaburan strategik negara itu yang didakwa dipindahkan ke dalam dua akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak.

Pada prosiding semalam, Adam Ariff Mohd Roslan, 29, yang juga penganalisis Bank Negara Malaysia (BNM), merumuskan analisis jejak wang yang mendedahkan pengeluaran dana diperoleh 1MDB serta anak syarikatnya, dipindahkan melalui sistem perbankan pelbagai bidang kuasa asing antara September 2009 dan Disember 2014.

Enam hari kemuka analisis

Selepas enam hari mengemukakan analisis penemuan melalui laporan jejak wang terbabit, saksi ke-47 pendakwaan itu berdasarkan laporan berkenaan, sebahagian dana kemudian dipindahkan



Najib tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

kembali ke Malaysia, ke dalam dua akaun bekas Perdana Menteri itu di Bank AmIslamic.

Adam Ariff berkata, penerimaan dana berkenaan ke dalam dua akaun Najib, dikenal pasti dalam empat fasa membabitkan fasa Good Star, Aabar-BVI, Tanore dan Options Buyback.

Dalam fasa pertama antara 23 Februari dan 14 Jun 2011, saksi itu berkata, wang RM60.6 juta daripada dana terbabit yang dikreditkan ke dalam akaun AmPrivate Banking - MR Najib daripada akaun di Bank Riyad, Arab Saudi, boleh dikesan daripada terbitan Bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) pada 2009 dan Pinjaman Bertempoh Bersindiket pada 2010

oleh 1MDB.

Beliau berkata, dalam fasa kedua antara 30 Oktober dan 20 November 2012, sebanyak RM90.9 juta yang dikreditkan ke dalam akaun Najib daripada akaun Standard Chartered Bank, Singapura, atas nama syarikat Blackstone Asia Real Estate Partners, didapati boleh dikesan daripada bon dikeluarkan oleh 1MDB Energy (Langat) Ltd (1MELL) pada 2012.

"Dalam fasa ketiga antara 21 Mac dan 10 April 2013, RM2.08 bilion daripada hasil yang dikreditkan ke dalam akaun tertuduh daripada akaun Falcon Private Bank, Singapura, atas nama Tanore Finance Corp (syarikat pelaburan),

didapati boleh dikesan daripada bon diterbitkan 1MDB Global Investment Limited (1GIL) pada 2013.

"Fasa keempat pula, iaitu pada 23 Jun 2014, RM4.09 juta daripada hasil dikreditkan ke dalam akaun tertuduh daripada akaun DBS Bank, Singapura, atas nama Blackrock Commodities (Global) Limited, didapati boleh dikesan daripada pinjaman AS\$250 juta oleh 1MDB Energy Holdings Ltd (1MEHL) pada 2014.

"Antara 23 Oktober 2014 dan 19 Disember 2014, RM45.9 juta daripada hasil dikreditkan ke dalam akaun Najib daripada akaun di Amicorp Bank Barbados atas nama Vista Equity International Partners Limited, didapati sebahagiannya boleh dikesan daripada hasil pinjaman AS\$975 juta oleh 1MEHL pada 2014," katanya.

Bagi kes pendakwaan, syarikat dinyatakan oleh saksi itu adalah berkaitan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low.

Adam Ariff memberikan keterangan terhadap Najib, 69, yang berdepan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya ketika itu untuk mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini bagi soal balas saksi oleh pihak pembelaan.